



30 Julai 2021  
30 July 2021  
P.U. (A) 322

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

## *FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE*

PERINTAH JAMINAN PINJAMAN  
(PERTUBUHAN PERBADANAN)  
(PEREMITAN CUKAI DAN DUTI SETEM)  
(NO. 2) 2021

*LOANS GUARANTEE (BODIES CORPORATE)  
(REMISSION OF TAX AND STAMP DUTY)  
(NO. 2) ORDER 2021*

DISIARKAN OLEH/  
PUBLISHED BY  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA JAMINAN PINJAMAN (PERTUBUHAN PERBADANAN) 1965

PERINTAH JAMINAN PINJAMAN (PERTUBUHAN PERBADANAN)  
(PEREMITAN CUKAI DAN DUTI SETEM) (NO. 2) 2021

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 10(1) Akta Jaminan Pinjaman (Pertubuhan Perbadanan) 1965 [*Akta 96*], Menteri membuat perintah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Jaminan Pinjaman (Pertubuhan Perbadanan) (Peremitan Cukai dan Duti Setem) (No. 2) 2021**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 31 Julai 2021.

**Pemakaian**

2. Perintah ini hendaklah terpakai bagi—

(a) Kertas Komersial Islam dan Nota Jangka Sederhana Islam, yang diterbitkan atau akan diterbitkan oleh Syarikat Prasarana Malaysia Berhad menurut Program Sukuk Murabahah dengan nilai nominal sehingga tujuh belas bilion ringgit (RM17,000,000,000.00) yang disebut sebagai “Sukuk Murabahah” dalam Perintah ini:

Dengan syarat bahawa agregat bergabung nilai nominal belum berbayar Sukuk Murabahah dan amaun prinsipal belum berbayar di bawah Kemudahan Kredit Pusingan Islamik Bersindiket yang disebut sebagai “Kemudahan RC-i” dalam Perintah ini, hendaklah tidak melebihi tujuh belas bilion ringgit (RM17,000,000,000.00);

- (b) Kemudahan RC-i yang diperoleh atau akan diperoleh oleh Syarikat Prasarana Malaysia Berhad dengan amaun agregat prinsipal belum berbayar tidak melebihi empat bilion ringgit (RM4,000,000,000.00) tertakluk kepada agregat bergabung yang disebut dalam subperenggan (a); dan
- (c) jaminan yang diberikan atau akan diberikan oleh Kerajaan Malaysia yang berhubungan dengan Sukuk Murabahah dan Kemudahan RC-i yang disebut dalam subperenggan (a) dan (b).

### **Peremitan cukai**

3. Apa-apa cukai yang kena dibayar di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 [Akta 53] oleh mana-mana individu atau entiti yang berikut berkenaan dengan apa-apa wang yang kena dibayar di bawah apa-apa perjanjian, nota, surat cara dan dokumen berhubungan dengan Sukuk Murabahah, Kemudahan RC-i dan jaminan yang disebut dalam perenggan 2, hendaklah diremitkan sepenuhnya:

- (a) Syarikat Prasarana Malaysia Berhad yang baginya Akta Jaminan Pinjaman (Pertubuhan Perbadanan) 1965 ini terpakai menurut kuasa Perintah Jaminan Pinjaman (Penetapan Pertubuhan Perbadanan) (Syarikat Prasarana Negara Berhad) 2001 [P.U. (A) 351/2001];
- (b) mana-mana pemegang Sukuk Murabahah;
- (c) mana-mana pembiaya Kemudahan RC-i; atau
- (d) mana-mana pihak lain kepada apa-apa perjanjian, nota, surat cara dan dokumen berhubungan dengan Sukuk Murabahah, Kemudahan RC-i dan jaminan yang disebut dalam perenggan 2, termasuklah mana-mana pihak lain yang kepadanya perjanjian, nota, surat cara dan dokumen itu dipindahkan atau diserahkan.